

Harga simen kekal - Saifuddin

Oleh YULPISMAN ASLI
 pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 19 JUN

HARGA simen kekal pada harga lama selepas penggiat industri bersejua tidak menaikkan harga selepas bertemu dengan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Menurut beliau, dalam pertemuan yang diadakan semalam, pihak industri memberi alasan kenaikan kos import bahan membuat simen punca mereka menaikkan kos.

Walaupun bagaimanapun, jelas beliau, pihak kementerian dalam pertemuan itu turut memaklumkan sebarang kenaikan perlu mendapat kelulusan daripada pihak kementerian.

"Ini kerana harga simen adalah barangan kawalan dan sebarang kenaikan tanpa kelulusan daripada kementerian merupakan satu kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan penggiat industri boleh dikenakan tindakan," katanya dalam

"Kita yang keluaran lesen mengilang, memborong di bawah Akta Kawalan Bekalan... ada syarat, nak naik harga mesti maklum kementerian dahulu. Jika langgar peraturan, terdedah kepada tindakan,"

SAIFUDDIN NASUTION

sidang akhbar selepas melancarkan Garis Panduan Pematuhan Standard Filem Penghadangan Haba Kenderaan di sini hari ini.

Sebelum ini, beberapa syarikat pemaju hartanah mengadu mengenai kenaikan mendadak harga simen antara 40 dan 50 peratus yang menurut mereka akan memberi kesan buruk

PENGUSAHA simen sebelum ini memberi alasan kenaikan kos import bahan membuat simen menyebabkan mereka terpaksa menaikkan harga bahan binaan itu.

khususnya kepada sektor pembinaan dalam negara.

Mengulas lanjut, Saifuddin Nasution berkata, tindakan penggiat industri simen menaikkan harga boleh memberi kesan kepada dasar kerajaan yang mahu membina sejuta rumah mampu milik kerana simen adalah komponen utama pembinaan.

Beliau berkata, pihak kementerian boleh sahaja bertindak ke atas penggiat industri yang tidak memaklumkan kepada kementerian berkenaan kenaikan harga simen.

"Kita yang keluaran lesen mengilang, memborong di bawah Akta Kawalan Bekalan... ada syarat, nak naik harga mesti maklum kementerian dahulu.

Jika langgar peraturan, terdedah kepada tindakan," katanya.

Walaupun bagaimanapun, katanya, untuk berlaku adil pihak kementerian telah mengadakan pertemuan dengan mereka bagi mendengar masalah yang dihadapi sehingga bertindak menaikkan harga.

"Hasil perbincangan, semua setuju untuk tidak menaikkan harga. Mereka juga memaklumkan akan memohon kepada kementerian sekiranya hendak menaikkan harga simen pada masa hadapan," katanya.

Sementara itu, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) menumpukan usahanya memantau secara konsisten industri simen bagi melengkapkan

inisiatif kerajaan dalam melindungi kebajikan pengguna.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Iskandar Ismail berkata, MyCC mengambil maklum tentang notis kenaikan harga yang dikeluarkan oleh pengeluar konkrit campuran siap dan simen, serta menyedari kesan penggabungan YTL dan Lafarge baru-baru ini yang membawa kepada pasaran lebih padu di peringkat hulu dan hiliran.

"Seksyen 4 dan Seksyen 10 daripada Akta Persaingan 2010 jelas melarang perusahaan daripada menjalin sebarang perjanjian antipersaingan dan menyalah guna kedudukan dominan mereka dalam pasaran," katanya.

Harga simen kekal - Saifuddin Nasution

Yulpisman Asli
19 Jun 2019 2:54 PM



Saifuddin Nasution

PUTRAJAYA - Harga simen kekal selepas penggiat industri bersetuju tidak menaikkan harga hasil pertemuan dengan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Menurut Saifuddin Nasution, dalam pertemuan yang diadakan semalam, pihak industri memberi alasan kenaikan kos import bahan membuat simen punca mereka menaikkan kos.

Bagaimanapun jelas beliau, pihak kementerian dalam pertemuan itu turut memaklumkan sebarang kenaikan perlu mendapat kelulusan daripada pihak kementerian.

"Ini kerana, simen adalah bahan kawalan dan sebarang kenaikan tanpa kelulusan daripada kementerian merupakan satu kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan penggiat industri boleh dikenakan

tindakan," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan Garis Panduan Pematuhan Standard Filem Penghadang Haba Kenderaan di sini hari ini.

Sebelum ini, beberapa syarikat pemaju mengadu mengenai kenaikan mendadak harga simen antara 40 hingga 50 peratus kerana dibimbangi akan memberi kesan buruk khususnya kepada sektor pembinaan dalam negara.

Mengulas lanjut, Saifuddin Nasution berkata, tindakan penggiat industri simen menaikkan harga simen boleh memberi kesan kepada dasar kerajaan yang mahu membina sejuta rumah mampu milik.

Ini kerana katanya, simen merupakan komponen utama dalam industri terutama perumahan.

Beliau berkata, pihak kementerian boleh sahaja bertindak ke atas penggiat industri yang tidak memaklumkan kepada kementerian berkenaan kenaikan harga simen.

"Kita yang keluarkan lesen mengilang, memborong di bawah Akta Kawalan Bekalan, ada syarat, nak naik harga mesti maklum Kementerian dahulu, jika langgar peraturan, ia terdedah kepada tindakan," katanya.

Bagaimanapun katanya, untuk berlaku adil pihak kementerian telah mengadakan pertemuan dengan mereka bagi mendengar masalah yang dihadapi sehingga bertindak menaikkan harga.

"Hasil berpincangan, semua setuju untuk tidak menaikkan harga. Mereka juga memaklumkan akan memohon kepada kementerian sekiranya hendak menaikkan harga simen pada masa hadapan," katanya. -
UTUSAN ONLINE

